

23 MAY 1996

Anwar-MARA

MARA DAPAT PERUNTUKAN TAMBAHAN RM400 JUTA

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini meluluskan peruntukan tambahan RM400 juta kepada MARA sebagai belanja pengurusan tahun ini walaupun beliau mendapati berlaku salah laku dalam beberapa tindakan oleh pengurusan agensi itu.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata jumlah itu merupakan tambahan kepada RM379.5 juta yang sedia ada di samping baki tahun lepas sebanyak RM40.22 juta.

Ini menjadikan peruntukan keseluruhan bagi MARA tahun ini sebanyak RM819.72 juta, peningkatan sebanyak 17 peratus berbanding tahun lepas.

Ketika bercakap pada persidangan berita selepas mendengar taklimat mengenai pengurusan MARA di Kementerian Pembangunan Usahawan di sini, Anwar berkata sejumlah besar peruntukan itu adalah untuk membiayai kos pendidikan dan latihan.

Yang hadir pada taklimat itu ialah Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed, Timbalannya Idris Jusoh dan Pengerusi MARA Datuk Osman Abdul.

-- LAGI

23/05/12-53MST

Anwar-MARA 2 Kuala Lumpur

"Tetapi peruntukan tambahan ini kita beri dengan syarat MARA harus ambil langkah segera untuk perkukuhkan kedudukan kewangannya dan tidak menyebabkan kerajaan terpaksa tambah peruntukan yang sebegitu banyak setiap tahun," katanya.

"Saya setuju setelah memaklumkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum beliau berlepas keluar negeri dan jemaah menteri bahawa MARA terpaksa dibantu supaya tidak menjejaskan kedudukan pelajar yang sedang menuntut di dalam dan luar negeri," katanya.

Anwar berkata kerajaan telah menyediakan perbelanjaan mengurus kepada Mara bagi tahun 1996 sebanyak RM379.5 juta tetapi ia mengalami masalah disebabkan komitmen untuk mengadakan latihan dan biasiswa dan perbelanjaan yang tidak mengikut tatacara kewangan biasa.

Katanya, selepas diteliti, kerajaan berpendapat MARA terpaksa dibantu agar tidak menjejaskan peluang dan kedudukan anak-anak Bumiputera di bidang pendidikan dan perniagaan.

Menurut Anwar, kerajaan telah mengenal pasti beberapa masalah yang berbangkit dan tidak mahu segala langkah yang menyebabkan beberapa kegiatan yang dianggap cuai dan membazir serta tidak mengikut kaedah dan peraturan serta tatacara kewangan dan pengurusan yang bijak itu berulang lagi. -- LAGI

Anwar-MARA 3 Kuala Lumpur

"Kita tidak bermaksud untuk menjelaskan kes-kes ini dan mengetepikan sumbangan besar MARA kepada masyarakat Bumiputera kerana jumlah pelajar yang dapat latihan dan pendidikan serta peluang perniagaan amat besar," katanya.

Anwar berkata beliau telah mengikuti dari dekat maklumat dan perkembangan terkini mengenai pengurusan serta langkah yang diambil MARA berikutan terlalu banyak yang diperkatakan tentang permasalahan yang dikaitkan dengan beberapa salah laku dan tindakan pengurusan MARA sebelum

ini.

"Saya sukacita MARA mengambil langkah segera dan prihatin dengan kegelisahan masyarakat Bumiputera yang menganggapnya sebagai agensi amanah yang penting dan kritikal bagi menjamin kedudukan mereka terutama di bidang pendidikan, latihan, perniagaan dan keusahawanan."

Anwar berkata beliau berpuas hati dengan langkah yang sedang dan akan terus diambil yang mencerminkan komitmen dan kesungguhan kementerian berkenaan dan pengurusan MARA untuk memperbaiki serta meningkatkan mutu khidmat dan prestasi agensi itu.

Anwar-MARA 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Antaranya ialah cadangan untuk menumpukan kegiatan MARA kepada bidang tertentu dan tidak menceburi semua lapangan yang terlintas dalam pemikiran. Pengkhususan itu ialah kepada bidang pendidikan, latihan dan keusahawanan serta perniagaan di samping membantu kementerian dalam membangun usahawan Bumiputera.

Anwar yakin dengan langkah-langkah itu MARA mempunyai masa depan yang lebih cemerlang.

Beliau berkata MARA sememangnya mempunyai peraturan kewangan. "Cuma ia harus dipatuhi. Kalau ikut takrif biasa, sesiapa yang tidak mematuhinya, kita anggap salah laku."

Apabila ditanya kenapa tidak ada tindakan diambil terhadap mereka yang melakukan salah laku itu, Anwar berkata: "Kita melihat secara positif walaupun kita tidak sokong tindakan mereka. Perkara ini telah berlalu dan langkah pembedahan sudah diambil. Tidak sepatutnya kita ambil tindakan lanjut." -- BERNAMA

ZAB ES NO